KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KETENGAH

# TEKS UCAPAN

# YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID

# MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## SEMPENA

## PROGRAM JAMUAN KELUARGA MALAYSIA KOMUNITI KETENGAH

## 26 JUN 2022 | 1.00 PETANG

## BANDAR AL MUKTAFI BILLAH SHAH

## DUNGUN, TERENGGANU

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Salam Luar Bandar Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said
Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH);

Yang Mulia Tengku Ahmad Nadzri bin Tengku Musa
Pengurus Besar KETENGAH;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Din bin Adam
Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan dan Koperasi Parlimen Dungun;

Barisan Jemaah Lembaga KETENGAH;

Ketua-ketua jabatan, para pemimpin masyarakat, Pengurusan KETENGAH, para penerima bantuan yang diraikan, rakan media, seterusnya Komuniti KETENGAH sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dapat kita berkumpul bagi meraikan Program Jamuan Keluarga Malaysia Komuniti KETENGAH. Syabas dan tahniah kepada Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Majlis

Pembangunan Usahawan dan Koperasi Parlimen Dungun (MPUKP) atas penganjuran majlis yang sungguh meriah ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang bekerjasama menjayakan program ini.

2. Tujuan utama program ini diadakan adalah memberi peluang kepada komuniti KETENGAH dan dif-dif jemputan untuk merapatkan tali persaudaraan dan silaturahim serta mewujudkan semangat Keluarga Malaysia dalam kalangan Komuniti KETENGAH sambil menikmati juadah yang telah disediakan. Semangat dan nilai kekeluargaan ini seharusnya diterapkan dalam semua lapisan masyarakat.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi;

3. Agak lama kita tidak dapat berkumpul sebegini kerana mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan dalam memerangiCOVID19. Program Jamuan Keluarga Malaysia Komuniti KETENGAH ini merupakan himpunan untuk kita bersua kembali. Sesungguhnya, program ini hanya akan menjadi lebih bermakna apabila diraikan dalam suasana negara yang aman dan sejahtera.

4. Senario sejahtera ini hanya dapat dikecapi jika kita mengamalkan sikap saling menghormati antara satu sama lain

untuk hidup bersama ibarat sebuah keluarga yang besar walaupun kita berbeza ras, budaya dan kepercayaan.

5. Justeru, saya ingin menyeru seluruh Komuniti KETENGAH agar sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan rasa kebersamaan selari dengan semangat yang dibawakan oleh konsep Keluarga Malaysia. Sifat toleransi dalam bermasyarakat akan menjadikan komuniti itu lebih menghargai perbezaan sesama sendiri. Ini wajar dijadikan amalan kehidupan seharian bagi mewujudkan masyarakat yang aman dan sejahtera.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi;

6. Kita bersyukur kerana Wilayah KETENGAH dan negara bertuah ini masih dilimpahi nikmat keamanan dan keharmonian hasil kestabilan politik serta kerjasama seluruh Keluarga Malaysia, meskipun dunia berdepan cabaran risiko geopolitik yang agak serius. Antaranya melibatkan konflik Rusia dan Ukraine.

7. Konflik sebegini harus dijadikan pedoman dengan sebaiknya kerana jika krisis ini tidak dapat diselesaikan dengan segera sudah pasti akan menjejaskan keamanan di rantau terbabit sekali gus memberi impak besar terhadap ekonomi dunia.

8. Inilah pentingnya keamanan yang hanya dapat dikecapi dengan sikap saling menghormati untuk hidup bersama sebagai sebuah komuniti dan keluarga yang kaya dengan pelbagai budaya serta kepercayaan.

Keluarga Malaysia yang dikasihi;

9. Alhamdulillah, kemeriahan program ini dapat dilihat dengan kehadiran komuniti dalam Wilayah KETENGAH dan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat iaitu para usahawan, belia dan badan bukan kerajaan. Saya gembira melihat Komuniti KETENGAH dapat berkumpul dan meraikan pelbagai aktiviti yang disediakan ahli keluarga dan kenalan.

10. Teruskan program sebegini bersama komuniti bagi mengeratkan silaturahim sesama kita. Namun, dalam kemeriahan sambutan program sebegini pastikan kita terus mengamalkan kawalan kendiri walaupun kelonggaran diberikan demi keselamatan diri dan keluarga tercinta.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi;

11. Saya juga berbangga dengan pembangunan di Wilayah KETENGAH yang terkenal dengan keindahan tempat-tempat menarik di semua daerah tadbirannya iaitu daerah Dungun

dengan keindahan Tasik Puteri, daerah Kemaman dengan kepelbagaian air terjun, daerah Hulu Terengganu dengan Tasik Kenyir yang semestinya tersohor oleh kaki pancing yang pastinya menjadi destinasi pelancong dalam dan luar negara.

12. Dengan pelbagai tarikan pelancongan yang unik, termasuk Santuari Kelah, Tasik Kenyir yang pernah mendapat pengiktirafan emas dalam Malaysia Tourism Council Gold Awards pada tahun 2021, saya yakin KETENGAH mampu mencapai sasarannya untuk menarik seramai 1 juta pelancong dari dalam dan luar pada tahun ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi;

13. Selaras dengan peralihan Fasa Peralihan Endemik COVID19, ekspektasi yang tinggi diharapkan terhadap semua jabatan agar memainkan peranan masing-masing untuk memastikan setiap pelaksanaan program pembangunan adalah selari dengan perancangan yang telah ditetapkan. Program *touch-point* perlu disegerakan agar masyarakat luar bandar dapat merasai kesungguhan kementerian kita iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dalam menjuarai agenda pembangunan luar bandar.

14. Antara program *touch-points* yang sering diberi perhatian adalah Projek Ameniti Sosial (PAMS), baik pulih rumah, latihan keusahawanan dan *Technical and Vocational Education Training* (TVET) terus diperkasa agar tiada golongan yang tercicir di luar bandar.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi;

15. KETENGAH sentiasa komited dalam pembangunan modal insan luar bandar secara komprehensif melalui pelbagai program modal sosial dan sumbangan khususnya terhadap pelajar dan belia luar bandar.

16. Tahniah juga kepada 213 orang para penerima bantuan yang melibatkan golongan asnaf dan pelajar pada hari ini dengan implikasi kewangan sejumlah RM289,900.

17. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua Komuniti KETENGAH yang telah bertungkus lumus menjayakan Program Jamuan Keluarga Malaysia Komuniti KETENGAH.

**Sekian,**
**Wabillahi Taufik Wal Hidayah.**
**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**